RINGKASAN SESI PENGENALAN

Kelas ini diadakan selaras dengan hasrat penubuhan **Akademi Latihan dan Rawatan Islam.**

Insha Allah Akademi ini mengandungi tiga komponen iaitu:

1. Pusat latihan untuk melatih perawat islam;

2. Menawarkan khidmat rawatan Islam;

3. Pusat penyelidikan ilmu-ilmu berkaitan pengubatan islam

Akademi ini ditubuhkan setelah melihat pelbagai isu yang menghantui para pengamal pengubatan islam. Antaranya :

1. Ada yang tidak tahu apa itu sebenarnya pengubatan Islam;

2. Ada yang tidak tahu bagaimana kaedah rawatan yang sebenarnya

3. Ada yang terlibat dengan perkara2 yang boleh menyeleweng akidah dan syariah tanpa disedari

Melalui pengalaman sebagai panel i-syifa, antara perkara-perkara yang menyalahi syariah dan akidah ialah penggunaan tilikan, guna jin qarin, khadam, guna tangkal azimat, pengasih, guna ilmu ghaib, kebal dan sebagainya.

Untuk membantu pengamal-pengamal menyelesaikan masalah ini, maka akademik ini ditubuhkan bagi tujuan tersebut.

Berlainan dengan kursus berbayar sebelum ini, akademi ini tidak mengenakan sebarang yuran.

Yang penting ialah kesungguhan pelajar, mujahadah, kesediaan untuk menerima n mengamal apa yang baik, membuang apa yang buruk atau tidak patuh syariah .

Format pembelajaran adalah berbentuk santai. Pengajian akan diadakan pada bila-bila masa sahaja. Sekiranya saya lapang, mana-mana pelajar boleh sertai. Insya Allah rakaman ringkas akan diberikan.

Untuk penilaian pula, pelajar akan dinilai dari sudut kemahiran menghadapi kes-kes sebenar. Ia bukan sesi ujian seperti peperiksaan dalam kelas. Yang penting ialah apabila berdepan dengan kes sebenar, pelajar boleh mengaplikasikan apa yang dipelajari.

Sebagai penutup, ilmu itu dikejar bukan mengejar, ilmu itu didatangi bukan mendatangi.